

Pas juga mahukan Mahathir

UM 31/10/2003 - 17 PRECISE

Oleh SAROJI MOKHTAR

"SAYA tetap UMNO, hidup mati saya dalam perjuangan bersama UMNO". Kata-kata inilah yang dilafazkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kira-kira 34 tahun lalu apabila beliau dipecat daripada parti berkenaan kerana mengkritik kepimpinan Tunku Abdul Rahman.

Kata-kata tersebut amat bererti bagi pemimpin-pemimpin UMNO ketika itu yang merasa bimbang jika Dr. Mahathir mengubah haluan politiknya dengan berjuang di dalam Pas.

Menurut Tan Sri Hussein Ahmad segalanya bermula apabila selepas dipecat dari UMNO, Dr. Mahathir dilihat oleh pelbagai pihak termasuk Pas memerlukan platform untuk meneruskan karier politiknya.

Suatu hari (saya lupa tarikh) Dr. Mahathir pernah berucap atas platform Pas tetapi bukan bererti dia masuk Pas. Macam saya pernah berucap bersama Nik Abdul Aziz Nik Mat tetapi saya tetap menegakkan ideologi dan perjuangan UMNO," ujarnya.

Beliau berkata, secara kebetulan selepas pemecatan Dr. Mahathir itu ada pilihan raya di Yan Kedah dan Pas cuba mengambil kesempatan mengeluarkan poster Dr. Mahathir akan berucap pada majlis ceramah Pas di merata-rata tempat.

Saya tidak senang melihat poster Pas itu, lalu saya berpakat dengan orang

kanan Dr.

Mahathir iaitu Pak Su Manaf pergi jumpa Dr.

Mahathir di Maha Klinik di Alor Star.

Saya dan Pak Su Manaf masuk jumpa Dr. Mahathir. Terkejut juga Dr. Mahathir melihat saya tetapi Dr. Mahathir tidak tanya saya sakit apa mungkin dia tahu maksud kedatangan saya.

Pak Su Manaf tidak cakap apa-apa terus mengadap Dr. Mahathir dan menangis. Masa itu saya beritahu Dr. Mahathir,

Tengok Pak Su Manaf menangis ni, dan saya hendak ingatkan kepada saudara (Mahathir) jangan mengkhianati nama Mahathir kerana Mahathir telah menjadi sebahagian kepunyaan orang Melayu. Saudara tidak boleh hadir majlis ceramah Pas itu," katanya.

Menurut beliau, semasa itu berlaku sedikit pertenggaran dengan Dr. Mahathir, dan dengan air mata Mahathir menegaskan bahawa beliau tetap akan berjuang dalam UMNO.

Hussein berkata, sememangnya beliau telah bertekad dan mengatur rancangan bersama-sama Pemuda UMNO Kedah untuk bertindak jika Dr. Mahathir datang berceramah di pentas Pas malam itu.

Bukan saya takut Dr. Mahathir masuk Pas, bukan saya takut Mahathir sokong Pas tetapi saya amat menyokong perjuangannya ketika itu dan saya tidak hendak merosakkan dia," tegasnya.

Beliau menaruh keyakinan bahawa Dr. Mahathir akan kembali ke pangkuan UMNO kerana sudah menjadi perkara biasa pergi dan balik dalam parti.

Alhamdulillah Mahathir tidak hadir pada majlis ceramah Pas itu mungkin dia tahu kami marah kalau dia hadir," ujarnya.

Dr. Mahathir menurut Hussein dilihat oleh pemimpin-pemimpin UMNO sebagai seorang tokoh yang sanggup berjuang demi memartabatkan orang Melayu.

Berdasarkan hakikat itulah mereka melihat pemecatan Dr. Mahathir oleh Tunku Abdul Rahman sebagai satu kesilapan.

Bagaimanapun masing-masing mengambil sikap memendamkan perasaan sebagai menghormati Tunku tetapi tidak mendiamkan diri dan mencari jalan untuk membawa masuk

semula Dr. Mahathir ke dalam UMNO.

Pemecatan Dr. Mahathir itu menurutnya, ada kaitan dengan buku *Malay Dilemma* yang ditulis oleh Dr. Mahathir.

Menurut Hussein, Datuk Harun Idris banyak memainkan peranan untuk membawa Dr. Mahathir masuk semula ke pangkuan UMNO.

Pernah saya bercakap dengan Datuk Harun soal Mahathir dan Datuk Harun pernah kata; kita kena berusaha bawa balik Mahathir kalau tidak rugi kita sebab dia (Mahathir) tidak ada salah apa, cuma salah dia berani dan ikhlas membawa surat terbuka masalah orang Melayu kepada Tunku,"

Menceritakan pengenalannya dengan Dr. Mahathir, Hussein, 70, berkata, beliau mengenali dan bergaul dengan Dr. Mahathir sejak akhir tahun 1963 setelah wujudnya Malaysia dan negara menghadapi konfrontasi dengan Indonesia.

Dipecat

Menurutnya, beliau bersama-sama dengan Dr. Mahathir bertugas di bahagian kursus minda pemimpin UMNO yang masa itu Datuk Senu Abdul Rahman sebagai Menteri Penerangan.

Dari situ kami sentiasa mempunyai hubungan baik khususnya dalam masalah UMNO. Dr. Mahathir seorang pemimpin muda suka berterus-terang bahkan Dr. Mahathir tidak teragak-agak bila hendak membentangkan sesuatu yang boleh membantu untuk melahirkan Melayu sebagai bangsa pertuanan yang hakiki dan selamat," katanya.

Hussein berkata, apa yang membanggakan walaupun dipecat, Dr. Mahathir sentiasa mengambil tahu setiap kali ada aktiviti UMNO di Kedah.

Menurutnya, memang beliau nampak Dr. Mahathir seorang pemimpin muda yang berwibawa sebab itu apabila Dr. Mahathir diterima semula menjadi ahli UMNO pada 7 Mac 1972 beliau tulis surat kepada Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan bukan kepada Dr. Mahathir.

Surat beliau itu antara lain berbunyi; Antara orang yang bergembira Dr. Mahathir diterima kembali dalam UMNO adalah saya dan berharap peristiwa yang menyedihkan itu tidak akan berulang lagi".



HUSSEIN AHMAD